

TARIKH	3 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	Stempert

'Masa kami sudah tiba'

Pasangan cekalkan hati tinggal 6 anak ke Makkah

>>Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@hmetro.com.my

KELANA JAYA: "Insyallah suatu hari nanti, saya berharap dapat sekali lagi menunaikan haji bersama enam anak," kata bakal Haji, Wan Rohana Yahaya, 42.

Menurutnya, walaupun berat hati mahu meninggalkan anaknya yang masih kecil, namun dia dan suami, Mat Siam Mansor, 48, reda kerana masa mereka menjadi tetamu Allah sudah tiba.

"Selepas mengetahui nama tersenarai pada awal tahun ini, kami pernah terfikir untuk menolak tawaran ini kerana memikirkan anak bongsu masih kecil lagi.

"Namun selepas dinasihati saudara-mara dan mereka

juga berjanji akan menjaga anak kami dengan baik sepanjang pemergian kami, kami tawakal dan berharap semuanya berjalan lancar," katanya.

Katanya, dia dan suami pasti merindui anak ketika berada di sana nanti, tetapi dia berharap ia itu tidak mengganggu proses beribadat.

"Sudah pasti kami mahu mendapat haji mabrur, kami juga tak sabar berdoa di hadapan Kaabah untuk kesejahteraan kami sekeluarga," katanya yang berasal dari Klang.

Ketika berada di khemah TH, Wan Rohana seolah-olah tak mahu berjauhan daripada semua anaknya dan sempat menasihati mereka sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



WAN ROHANA...tawakal



Lambaian Kaabah